

OrphanCARE bantu perkasa institusi keluarga

KUALA LUMPUR 29 Dis. - Mungkin ramai yang kurang sedar tentang kewujudan profesion sebagai pekerja sosial, apatah lagi peranan-peranan yang dimainkan mereka.

Seperti profesion lain, sumbangan pekerja sosial kepada masyarakat dan negara juga tidak kurang hebatnya.

Pekerja sosial kebiasaannya boleh ditemui di agensi-agensi kebajikan kanak-kanak, sekolah, hospital dan sebagainya mengikut kepakaran masing-masing.

Antara agensi yang banyakk menempatkan pekerja-pekerja sosial ialah OrphanCARE, sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang melindungi anak-anak yatim dan miskin di samping memadankan mereka dengan keluarga angkat.

OrphanCARE turut membantu wanita hamil anak luar nikah membuat persiapan kelahiran bayi serta menguruskan proses pendaftaran anak angkat termasuk kaunseling.

OrphanCARE kini bekerjasama dengan Yayasan Hasanah (Hasanah) dalam melaksanakan program pemeliharaan berasaskan keluarga atau *deinstitutionalisation* (DI) iaitu proses menggantikan penempatan berterusan di institusi kebajikan kepada keluarga angkat supaya anak-anak yatim dapat dibesarkan dengan persekitaran lebih baik dan sempurna.

Salah seorang pekerja sosial di organisasi itu, Fauziah Mahmud berkata, pekerja sosial memainkan peranan penting dalam agenda pemerkasaan institusi keluarga khususnya dalam konteks di OrphanCARE.

Beliau yang mula berkhidmat dengan organisasi itu sejak 2009 berkata, berbanding sukarelawan, pekerja sosial mempunyai kelayakan tertentu kerana mereka bertin-



dad sebagai kumpulan sokongan terhadap individu yang memerlukan perhatian seperti anak-anak yatim.

Tanpa kemahiran tertentu, jelasnya, pekerja sosial tidak akan mampu membuat penilaian, kajian, pemerhatian serta menghasilkan keputusan yang baik, sekali gus memperkasakan institusi keluarga.

"Antara cabaran pekerja sosial adalah perlu selalu memperbaiki sistem penjagaan, baik dari segi kualiti penjagaan ibu bapa atau mana-mana keadaan penjagaan kanak-kanak.

"Pekerja sosial juga memberi bimbingan dan khidmat kaunseling kepada ibu bapa supaya mereka dapat diperkasakan untuk memimpin keluarga," katanya yang memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang psikologi dan ijazah sarjana dalam kaunseling.

Menurutnya, khidmat profesional dan kompeten seorang pekerja sosial sangat penting dalam memastikan tugas yang dilakukan mencapai matlamatnya.

Jelas Fauziah, selain bersikap optimis, pekerja sosial perlu kreatif dan matang dalam memberi khidmat nasihat serta mampu melakukan pelbagai tugas.

"Saya berharap lebih ramai belia berkecimpung dalam kerja sosial, tetapi haruslah dengan niat yang tulus serta misi dan ilmu yang kukuh kerana dari situ akan terbentuk kualiti khidmat pekerja sosial yang dapat menjayakan sistem kebajikan di Malaysia.

"Kerja ini banyak cabaran dan tidak popular, hanya minat dan semangat yang dapat membuat hati kita terus membara melakukan kerja sosial tanpa mengira masa dan tenaga," katanya.



FAUZIAH MAHMUD